

PARA pemain UniSZA meraikan kejayaan muncul juara Piala Menteri Pendidikan Tinggi setelah menewaskan UM menerusi penentuan sepakan penalti 4-2 setelah terikat 2-2 pada aksi sebenar perlawanan di Kangar kelmarin.



Kalahkan UM 4-2 menerusi sepakan penalti

UniSZA juara baharu

BUAT pertama kali, wakil Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dari Terengganu merangkul kejuaraan Piala Menteri Pendidikan Tinggi edisi ketujuh apabila menewaskan Universiti Malaya (UM) menerusi penentuan sepakan penalti 4-2 setelah terikat 2-2 pada aksi sebenar perlawanan.

UM ternyata bersemangat tinggi untuk merangkul kejuaraan berganda musim ini selepas menjuarai Liga IPT, namun naib



juara liga, UniSZA berazam menebus kehampaan bagi merangkul piala idaman.

Perlawanan akhir di Stadium UiTM Perlis, Kangar kelmarin berlangsung sengit setelah kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan pada babak pertama.

UniSZA bagaimanapun terlebih dahulu mendapat sentuhan menerusi penyerang, Mohd. Hazazi Marzuki yang membuka tirai jaringan pada minit ke-50.

Dibarisi beberapa pelajar antarabangsa,

UM yang ter tekan dengan jaringan itu berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-65 menerusi Muhammad Faiz Nordin.

Permainan bertambah rancak serta semakin agresif dan tiga minit berselang UniSZA kembali di depan untuk mendahului 2-1 hasil rembatan Shafie Abdul Rahman berpunca daripada pengelutan di depan pintu gol UM.

Kejuaraan hampir dalam genggaman UniSZA, namun sekali lagi penyerang lincah, Muhammad Faiz memadamkan impian UniSZA buat seketika apabila menjaringkan gol penyamaan UM bagi mengikat kedudukan 2-2 pada waktu kecederaan, sekali gus perlawanan terpaksa ditentukan menerusi sepakan penalti.

Penjaga gol UniSZA, Muhammad Fikri Amin Ismail muncul wira apabila menggagalkan dua sepakan penalti UM.

Kejayaan UniSZA turut dibantu sepakan penalti yang disempurnakan Muhammad Asyraf Asri, Mohammad Robbani Daud, Muhammad Imran Hakimi Jamaludin dan Aiman Amran.

Kemenangan merangkul kejuaraan buat kali pertama menyentuh perasaan ketua jurulatih, Zulharisan Awang yang juga merupakan bekas pemain kebangsaan dan Terengganu.

"Kami bersyukur atas kemenangan ini, suatu pencapaian yang tidak diduga. Ini adalah tahun terbaik untuk UniSZA memenangi Piala KPT kerana kebanyakan pemain utama akan tamat pengajian," katanya.



PEMAIN antarabangsa UM (kanan) cuba melepasi kawalan pemain UniSZA pada aksi di Kangar kelmarin.



AKSI Shafie (tengah) meraikan jaringan kedua UniSZA pada aksi final Piala Menteri Pendidikan Tinggi di Kangar kelmarin.

INFO PIALA MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

Juara dan Naib Juara Edisi Terdahulu

2010	UITM Shah Alam	3
	Universiti Kebangsaan Malaysia	0
2011	UITM Shah Alam	5
	Kolej Komuniti Kedah	4
	(Penentuan sepakan penalti selepas keputusan terikat 0-0)	
2012	Universiti Kebangsaan Malaysia	2
	Kolej Komuniti Kedah	1
2013	Universiti Malaya	3
	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
2014	Universiti Kebangsaan Malaysia	3
	UiTM Perlis	0
2015	UITM Shah Alam	2
	UiTM Perlis	1
2016	UniSZA	4
	Universiti Malaya	2
	(Penentuan sepakan penalti selepas keputusan terikat 2-2)	